



Sahabat Alam Malaysia **Friends of the Earth Malaysia**

For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia
Tel No: +604 827 6930
Fax No: +604 827 6932
Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

KENYATAAN MEDIA

31 Disember 2018

Adakah Taiping Memenuhi Kriteria Bandar Mampan?

Sahabat Alam Malaysia (SAM) mempersoal 'Green Destinations' menilai dan mengiktiraf Taiping sebagai Antara 100 Destinasi Mampan 2018.

Berdasarkan kepada tinjauan SAM baru-baru ini di sekitar bandar Taiping, didapati pelaksanaan beberapa kegiatan pembangunan tidak mesra alam dan mampan terutama pembangunan di lereng yang berkecerunan 25°.

Tinjauan SAM ialah di kawasan perbukitan Jalan Kamunting Lama, Jalan Bukit Mas, kawasan berhampiran kolam simpanan air Lembaga Air Perak, Kamunting serta kawasan perbukitan berhampiran Taman Kuningsari, Air Kuning.

Adakah kegiatan-kegiatan pembangunan tersebut mematuhi beberapa garis panduan seperti Garis Panduan Perancangan Perumahan (GP001-A) dan garis panduan lain seperti untuk mengambil bahan batuan (kuari) Sesuatu perancangan perumahan perlu mengambil-kira elemen-elemen seperti kesesuaian tapak, pemeliharaan topografi dan alam semula-jadi agar tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat setempat.

Sebagai contoh, berdasarkan Bahagian A, Perkara 6 iv) Prinsip Perancangan: Alam Sekitar Semula-jadi Yang Terpelihara, Garis Panduan Perancangan Perumahan (GP001-A), pembangunan perumahan perlu mengambil-kira pemeliharaan topografi, pengekalan dan penyesuaian dengan persekitaran semula-jadi.

Adakah pihak 'Green Destination' telah turun padang dan meninjau ke setiap kawasan di Taiping dan persekitarannya sebelum memberi pengiktirafan?

SAM juga mempersoal adakah 'Green Destination' sebuah badan atau organisasi piawaian dan akreditasi yang diiktiraf.

Oleh itu, SAM berharap kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) umumnya supaya lebih peka kepada setiap permohonan pemajuan pembangunan dan perancangan guna-tanah agar tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat setempat.

S.M. MOHAMED IDRIS
Presiden
Sahabat Alam Malaysia